KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	07.04.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JPSM			

Lima kes ceroboh hutan simpan dikesan di Pahang

KUANTAN - Lima kes pencerobohan hutan simpan di empat daerah di Pahang dikesan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam tempoh dua bulan iaitu Januari hingga Februari tahun ini.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, daripada jumlah itu, dua kes di kesan di Temerloh.

Menurutnya, manakala tiga kes lagi di Rompin, Cameron Highlands dan Jerantut.

"Kita juga merampas tiga unit jentolak dan sebuah motosikal yang digunakan individu terbabit untuk sampai ke kawasan hutan.

"Pencerobohan ini diketahui hasil rondaan daripada Unit Penguat kuasa JPNP Pahang Barat dan Timur dibantu Unit Tindakan Khas Pejabat Hutan Daerah (PHD)," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

FOTO IHSAN JPNP



JPNP menyita jengkaut yang dijumpai di salah satu hutan simpan di Pahang.

Justeru, pihaknya akan terus mempergiatkan aktiviti rondaan di kawasan panas selain turut menggunakan satelit untuk mengesan kegiatan pencerobohan.

"Pemantauan tetap terus dilakukan sepanjang Ramadan.

"Tidak ada istilah rehat buat anggota penguat kuasa dalam memastikan kesalahan hutan tidak berlaku," ujarnya.